

## Teknik Coaching berkesan dalam membimbang staf



Pekan, 15 Mac – Pelaksanaan teknik coaching yang berkesan mampu membimbang staf dalam meningkatkan prestasi kerja. Melalui pendekatan ini membolehkan ketua jabatan mempelbagaikan kaedah dalam menguruskan dan berurusan dengan staf masing-masing. Pembudayaan kaedah coaching adalah sangat berbeza dengan pendekatan konvensional pengurusan kerana ianya sentiasa merangsang staf untuk mengemukakan cadangan, pandangan atau alternatif dalam mengatasi sebarang permasalahan atau isu yang timbul.

Ianya juga dapat membimbang dan mendorong staf bawahan untuk mengatasi permasalahan kerja yang dihadapi agar mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) individu, jabatan dan universiti. Paling utamanya, ianya bertujuan untuk meningkatkan kualiti kepimpinan pihak pengurusan universiti dan ketua-ketua jabatan melalui penggunaan teknik coaching selari dengan pelaksanaan sistem Pay for Performance.

Baru-baru ini seramai 30 orang staf pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada dekan dan ketua jabatan menyertai program Creating a Coaching Culture for Organizational Excellence anjuran Bahagian Pengurusan Bakat (BPB) di di Ancasa Royale Pekan. Program disertai Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, pembudayaan kaedah coaching ini penting untuk membolehkan ketua-ketua jabatan mempertingkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan. Ianya merupakan kaedah yang terbukti berkesan dalam usaha untuk merangsang idea, alternative dan penyelesaian masalah dan sebagainya.

"Kaedah coaching ini akan dapat meningkatkan akauntabiliti staf dalam penyelesaian masalah atau isu kerana ianya disyorkan sendiri oleh mereka dan dipersetujui oleh ketua jabatan. Ini pastinya akan menimbulkan rasa bertanggungjawab yang lebih tinggi kerana penyelesaian masalah atau isu atau lain-lain perkara yang berkaitan adalah dikemukakan oleh mereka sendiri.



Sementara itu, Shan Moorthi iaitu penceramah program, menyatakan pelaksanaan pembudayaan coaching adalah sangat penting dalam usaha UMP untuk mempelbagaikan kaedah dalam pengurusan dan kepimpinan. Inisiatif pihak pengurusan UMP bagi mempelbagaikan kaedah pengurusan dan kepimpinan melalui pendekatan coaching amatlah positif kerana ianya akan dapat digunakan dalam usaha untuk mendorong dan membimbing staf masing-masing ke arah kecemerlangan.

Shan Moothi merupakan Penceramah atau Fasilitator yang berpengalaman luas dalam bidang coaching dan kepimpinan selama 25 tahun dan telah memegang pelbagai jawatan penting dalam sektor kerajaan dan swasta.

Bagi peserta program, Bendahari UMP, Zainudin Othman berpendapat program ini sangat berfaedah kerana ianya memberikan pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan kaedah coaching semasa berurusan dengan staf dan pelbagai pihak di UMP.

Begitu juga dengan Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari Ghazali yang merupakan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) berkata, penceramah telah mengendalikan program dengan menarik dan kaedah interaktif yang sangat berkesan melalui aktiviti simulasi dan perbincangan kumpulan. Kaedah coaching yang disampaikan penceramah memberikan pilihan tambahan kepada ketua-ketua jabatan dalam pengurusan semasa berurusan dengan staf masing-masing terutamanya.

**Berita disediakan oleh Suhana Md. Nor dari Bahagian Pengurusan Bakat. Jabatan Pendaftar dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 30-03-2016, 10:52:11